

267 Bas tambahan sempena musim tahun baharu cina

KUALA LUMPUR : Sebanyak 267 bas tambahan akan disediakan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) untuk kemudahan orang ramai pulang ke kampung pada musim perayaan Tahun Baharu Cina(TBC) , bulan depan. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, jumlah itu membabitkan 119 syarikat bas yang memohon mendapatkan Lesen Perubahan Sementara (LPF) untuk tempoh 10 hari bermula 1 hingga 10 Februari ini. Katanya, jumlah itu mampu menampung pertambahan bilangan pengguna bas yang dijangkakan meningkat antara 18,000 hingga 19,000 orang sepanjang waktu puncak itu berbanding hari biasa sekitar 16,000 orang.

Pulang Ke Destinasi

“Biasanya pada musim perayaan, permintaan untuk bas memang tinggi kerana ramai orang, terutama golongan B40 yang menggunakan perkhidmatannya untuk pulang ke destinasi masing-masing. “Justeru, tahun ini kita menyediakan 297 bas tambahan dengan 1,000 perjalanan (Pelepasan dan Ketibaan) di terminal setiap hari. Kita harap ia mencukupi,” katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke TBS, dekat sini, semalam. Sebanyak 19 kaunter tiket turut dibuka sebagai tambahan kepada 70 sedia ada. Beliau berkata, Kementerian juga membenarkan surcaj sebanyak 10 peratus dikenakan ke atas penumpang bagi tambang tiket sepanjang tempoh terbabit. Katanya, surcaj itu bukan baharu kerana sudah lama dilaksanakan bagi menampung kos yang ditanggung oleh syarikat pengendali bas termasuk kos pemandu tambahan.

Loke dalam pada itu berkata, pihaknya berpuas hati dengan kemudahan disediakan di terminal berkenaan terutama operasi sistem tiket bersepadu yang bukan saja memudahkan pengguna dalam urusan pembelian tiket, malah lebih penting ia mampu mengekang aktiviti ulat tiket yang sebelum ini dilihat berleluasa.”Kita pandang serius isu ulat tiket ini dan berharap ia dapat dibanteras dengan adanya sistem tiket secara bersepadu.”Sistem ini dilaksanakan di terminal bas lain juga secara berperingkat,” katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 4 | 28 JANUARI 2019